

02/07/1998

Penyelesaian segera atasi masalah di KLIA

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Rabu - Kekurangan kakitangan, talian komunikasi tidak berfungsi sempurna dan ujian percubaan yang tidak mencukupi adalah antara pencetus masalah pada hari pertama Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) beroperasi, semalam.

Sehubungan itu, Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata penyelesaian serta-merta akan dibuat, terutama membabitkan penambahan kakitangan dan membaiki kelemahan pada sistem komputer utamanya.

"Kita akan menambah kira-kira 30 kakitangan untuk mengendalikan bagasi secara manual di samping mengekalkan pekerja kontraktor sedia ada bagi mengatasi masalah kegagalan pekerja lapangan terbang memasang jejantas udara dengan sempurna. Mungkin sebab baru kali pertama mereka gugup.

"Kekecohan seperti itu memang dijangka dan boleh dianggap sebagai first day blues. Walaupun beberapa masalah mungkin berlarutan beberapa hari lagi, ia tidak seburuk hari pertama operasi kelmarin," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat dengan semua pihak yang terbabit dalam operasi KLIA, termasuk KLIAB dan Malaysia Airport Berhad (MAB), hari ini.

Beribu-ribu penumpang terkandas akibat kegagalan sistem komputer utama termasuk membabitkan Sistem Pemprosesan Pendaftaran Masuk Penumpang (PCPS) dan Sistem Pengendalian Bagasi (BHS), semalam.

Kegagalan talian komunikasi juga menyebabkan beberapa pesawat terpaksa berlegar di ruang udara kerana tidak dibenarkan mendarat, manakala ribuan penumpang terkandas akibat hampir semua jadual penerbangan ditangguh.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menaiki penerbangan pertama KLIA ke Langkawi, juga mengalami kelewatan selama 25 minit sebelum berlepas. Perdana Menteri terpaksa bergegas semula ke KLIA selepas menerima berita kekecohan terbabit.

Menjawab satu soalan, Dr Ling mengaku ujian lanjutan selama tiga bulan yang dilakukan tidak mencukupi kerana ia gagal menganggar kapasiti sebenar.

"Dalam ujian itu, kita tidak mempunyai sehingga 10 pesawat 747 mendarat serentak. Kami juga mengaku ia adalah kesilapan kami apabila cuma membawa 2,000 orang dan mengarahkan mereka ke sana sini.

"Kalaulah mereka ditinggalkan bersendirian (ketika ujian), masalah papan tanda tidak cukup disedari sejak dari awal lagi tapi kita tidak melakukan itu," katanya mengenai ujian lanjutan yang membabit hanya beberapa pesawat, beberapa ratus penumpang dan kira-kira 2,000 sukarelawan Mei lalu.

Semalam, sejumlah 50 hingga 60 pesawat mendarat di KLIA dengan kira-kira 50,000 penumpang. Keadaan lebih buruk apabila kapasiti sistem komputer juga tidak diuji sepenuhnya, di samping tidak menjangka stesen utama pengumpulan data di Kelana MAS, tidak akan berfungsi.

Beliau juga mengaku kelemahan pada Sistem Pengurusan Lapangan Terbang Menyeluruh (TAMS), walaupun ia berjalan lancar ketika ujian lanjutan.

Dr Ling bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai masalah teknikal yang dialami sistem itu. "Ia adalah terlalu teknikal kepada saya, bila saya cuba jelaskan perkara ini saya akan keliru, anda juga akan turut keliru... selagi ia berfungsi, ia sudah cukup baik.

"Semua masalah itu ditambah dengan adanya orang yang gagal menilai keadaan keseluruhan, kami perlu mengaku ia adalah kesilapan kami.

"Bagaimanapun, ini bukanlah masanya untuk menuding jari kepada sesiapa

kerana saya yakin selepas berakhir episod ini, pasukan yang mengendali KLIA ini akan menjadi lebih mantap dan bersatu. Kami akan pastikan semua masalah ini diperbaiki dan diselesaikan secepat mungkin," katanya.